

Inspira*si*

TERKINI DI UPSI



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اوپنورسیتی فئدیدیقن سلطان ادریس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Bil 44: 2 Disember 2024



UPSI Rangkul Kemenangan di The 7th CGA Awards 2024

Bandar Sunway, 27 November -

Talentbank telah menganjurkan The 7th Graduates' Choice Award (GCA), bertempat di Grand Ballroom, Sunway Resort Hotel, Bandar Sunway.

GCA merupakan satu penghormatan kepada penjenamaan majikan siswazah yang dihormati dan berpengaruh di seluruh Rantau Asia-Pasifik, dimana ia memberikan pengiktirafan kepada industri yang berterusan menunjukkan kecemerlangan dan inovasi dalam pendekatan mereka untuk menarik dan mengekalkan bakat siswazah yang terbaik yang dihasilkan oleh institusi-institusi pengajian tinggi terkemuka di Malaysia. GCA ini juga menjadi panduan dan rujukan yang berharga pelajar-pelajar universiti, ia

menyenaraikan industri, serta majikan, yang paling menjadi buruan para graduan, dan senarai ini terbentuk dari undian yang sepenuhnya dilakukan oleh pelajar dan para graduan institusi pengajian tinggi.

Majlis yang bertemakan "Starlit Crescendo: Honouring Outstanding Employers with Orchestral Grandeur" ini bertujuan untuk meraikan pemenang-pemenang anugerah dalam pelbagai kategori, dan memberi pengiktirafan kepada industri-industri serta institusi pengajian tinggi yang telah berjaya mencapai keunggulan dalam bidang masing-masing.

Majlis gilang-gemilang ini turut dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Pendidikan Sultan Idris, Prof. Dr. Norkhalid Salimin, Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (EDGE), Prof. Madya Dr. Sharul Effendy Janudin serta wakil dari EDGE.

UPSI telah berjaya dipilih sebagai salah satu pemenang untuk kategori "Public Higher Education Institution". Anugerah ini merupakan pengiktirafan tinggi kepada UPSI yang telah berjaya melahirkan graduan-graduan yang menjadi rebutan industri besar dan terkemuka di Malaysia. Adalah diharapkan dengan penerimaan anugerah ini, UPSI akan terus giat menghasilkan graduan-graduan yang berkebolehan tinggi dan menguasai kemahiran-kemahiran terkini untuk menjadikan mereka graduan buruan industri di dalam dan luar negara.



Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

Public Higher Education Institution (Winner)



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



20 mahasiswa Projek Pelita Suluh Budiman terima diploma

Tanjong Malim, 30 November - Perjuangan 20 mahasiswa di bawah program Pelita Suluh Budiman untuk memiliki segulung diploma akhirnya mencapai kejayaan sehingga bergraduasi.

Naib Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff berkata, beliau menzahirkan rasa bangga di atas kegigihan para graduan meskipun belajar dari balik tirai besi di Penjara Kluang, Johor.

Mereka adalah graduan pertama

di bawah projek yang dikendalikan atas inisiatif Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) dan dianugerahi Diploma Keusahawanan pada sesi kelapan Istiadat Konvokesyen UPSI ke-26 ” katanya dalam satu kenyataan media.

Sesi kelapan menyaksikan ijazah dan diploma di bawah Fakulti Bahasa dan Komunikasi serta graduan Pelita Suluh Budiman disampaikan oleh Pro Canselor, Tan Sri Dr. Ismail Bakar.

Md Amin berkata, program itu diadakan bagi menyahut seruan Menteri Pendidikan

Tinggi, Datuk Seri Zambry Abd Kadir serta Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam menyediakan inklusiviti pendidikan tinggi kepada semua golongan.

Beliau berkata, untuk berjaya seperti orang lain tiada halangan asalkan ada kemahuan yang tinggi walaupun pernah melakukan kesilapan dalam hidup. “Apa yang penting seseorang harus sedikit memandangkan ke hadapan untuk mengejar impian sekali gus membuktikan ilmu tetap penting untuk mengubah nasib dan masa depan,” katanya.

UPSI Hantar 10 kakitangan mengerjakan umrah melalui Inisiatif Harga Warga Universiti

Tanjong Malim, 28 November - UPSI terus komited dalam menjaga kebajikan dan menghargai sumbangan warganya apabila seramai 10 orang kakitangan dipilih untuk mengerjakan ibadah umrah di Tanah Suci.

Menurut Naib Canselor UPSI, Profesor Datuk Dr. Md Amin Md Taff, inisiatif ini yang bertujuan bagi menghargai sumbangan kakitangan universiti, adalah hasil daripada hasrat penyumbang untuk menaja sepenuhnya kos perjalanan dan ibadah



umrah bagi mereka yang memenuhi syarat yang ditetapkan pihak Pengurusan Universiti. Jelas beliau, kakitangan UPSI yang terpilih untuk menunaikan ibadah umrah ini adalah tajaan sepenuhnya oleh Pusat Waqaf, Endowmen, Zakat, Sedekah dan Khairat (WEZAS) UPSI dan sebuah badan korporat

“Inisiatif ini adalah bukti penghargaan kami terhadap dedikasi kakitangan UPSI dalam melaksanakan tugas dengan cemerlang.

“Selain itu, ia bertujuan menyemai nilai-

nilai murni dan memperkukuh sahsiah warganya. Kami berharap jemaah terpilih dapat menjalani ibadah ini dengan tenang dan memperoleh keberkatan.” Tambah beliau, tajaan WEZAS UPSI dan badan korporat ini bernilai RM131,600.00, meliputi pakej penuh umrah serta penyediaan pasport antarabangsa.

“Rombongan ini akan berlepas ke Madinah pada 28 November 2024 dan kembali ke tanah air pada 9 Disember 2024.



Penyelidik UPSI hasilkan papan permainan Augmented Reality (AR) untuk tarik minat murid terhadap STEM

“STEM Roll-A-Dice” merupakan inovasi gamifikasi inovasi PdPc berlandaskan Pendidikan 4.0 yang menerapkan komponen-komponen pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Permainan ini dihasilkan oleh dua orang anak kandung (alumni) Universiti Pendidikan Sultan Idris iaitu Dr. Muhd Ibrahim Muhammad Damanhuri dan Abd Rahman Ali Bashah yang kini masing-masing berkhidmat di Fakulti Sains dan Matematik, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak dan SMK Jenjarom, Selangor.

Matlamat pembinaan permainan ini adalah untuk meningkatkan penglibatan pelajar serta minat mereka dalam menceburi bidang-bidang berkaitan STEM. Berkonsepkan

kerangka papan permainan, inovasi ini berbeza daripada papan permainan konvensional kerana mengintegrasikan teknologi Augmented Reality (AR) serta bercirikan didik hiburan. Papan permainan menampilkan 5 bidang kerjaya berkaitan STEM iaitu pendidikan, pertanian, industri, robotik dan perubatan. Keseluruhannya, papan permainan ini mengandungi lebih 250 soalan berkaitan pendidikan STEM yang terpapar secara rawak.

Permainan ini terdiri daripada dua komponen utama iaitu papan permainan dan aplikasi telefon android yang boleh dimuat turun daripada Play Store. Buat masa ini, aplikasi STEM Roll-A-Dice hanya boleh diperolehi dalam pelantar android sahaja, manakala soalan-soalan yang

dikemukakan adalah dalam Bahasa Melayu. Permainan ini boleh dimainkan secara sendiri atau berkumpulan.

Selain itu, bagi memenuhi Pembelajaran Abad ke-21 (PAK21), guru-guru subjek STEM dan pusat sumber sekolah sangat digalakkan memiliki papan permainan ini. Ia boleh diimplementasi di dalam kelas sama ada sebagai sebahagian daripada aktiviti pembelajaran mahupun aktiviti selingan.

Menjadi harapan kami agar inovasi ini dapat menjadi salah satu wadah bagi pelajar menyemai minat terhadap subjek-subjek STEM seterusnya mendekatkan diri mereka terhadap kerjaya berkaitan STEM.



Kuala Lumpur

Majlis Peluncuran Festival of Ideas dan FOI Talk bersama YAB Perdana Menteri Malaysia



Tumpat

ResQ Team UPSI bantu pindah 400 mangsa banjir di Tumpat



Pulau Pinang

FSM Lights Up Penang: A Journey of Creativity and Innovation



Tanjong Malim

Sesi Ramah Mesra Profesor